



PROSEDUR PERNIKAHAN ORANG ISLAM WARGANEGARA MALAYSIA DI LUAR NEGARA

1. Urusan perkahwinan bagi orang Islam warganegara Malaysia di United Kingdom adalah di bawah tanggungjawab Pendaftar Perkahwinan, Penceraian dan Ruju' orang Islam Luar Negara (PNCR Luar Negara) merangkap Atase Pendidikan Bimbingan Agama dan Kaunseling Education Malaysia United Kingdom dan Ireland, **Encik Ruzain Syukur bin Mansor**. Education Malaysia bernaung di bawah suruhanjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom dan Ireland Utara.
2. Setakat ini (Januari 2017), PNCR Luar Negara telah menerima tauliah sebagai PNCR Luar Negara bagi negeri **Perak, Kelantan, Wilayah Persekutuan, Perlis dan Pulau Pinang**.
3. Bagi rakyat Malaysia yang ingin melangsungkan perkahwinan di luar negara, **mereka perlu mendapatkan kebenaran berkahwin luar negara daripada Jabatan Agama Islam Negeri di Malaysia terlebih dahulu (mengikut alamat negeri dalam kad pengenalan)**.
4. Surat kebenaran wali (wakalah) secara bertulis juga diperlukan daripada pihak wali bagi tujuan bernikah di luar negara.
5. Selepas mendapat kebenaran luar negara dan surat kebenaran wali (wakalah), pemohon boleh merujuk kepada Suruhanjaya Tinggi Malaysia United Kingdom, di bawah kendalian Pendaftar Perkahwinan, Penceraian dan Ruju' orang Islam Luar Negara (PNCR) merangkap Atase Pendidikan Bimbingan Agama dan Kaunseling di Education Malaysia United Kingdom dan Ireland, Encik Ruzain Syukur bin Mansor.
6. Akad nikah boleh dilaksanakan sendiri oleh Pendaftar Perkahwinan, Penceraian dan Ruju' orang Islam Luar Negara di Education Malaysia United Kingdom di Dewan Malaysia London dan Bangunan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London bagi rakyat negeri yang setakat ini PNCR telah menerima tauliah iaitu negeri **Perak, Wilayah Persekutuan, Perlis, Kelantan dan Pulau Pinang**.
7. Selain itu, akad nikah juga boleh dilaksanakan di badan-badan agama, majlis agama Islam, Pusat Islam, masjid komuniti yang diiktiraf oleh negara berkenaan mengikut undang-undang syariah serta cukup syaratnya.

8. Bagi pasangan yang melangsungkan akad nikah di badan-badan agama, majlis agama Islam, Pusat Islam, masjid komuniti, dokumen pernikahan tersebut perlu dibawa ke Education Malaysia, Suruhanjaya Tinggi Malaysia United Kingdom, 30-34 Queensborouh Terrace, W23ST bagi tujuan pengeluaran laporan pernikahan.
9. Laporan pernikahan yang dikeluarkan oleh PNCR Luar Negara bagi pihak Suruhanjaya Tinggi Malaysia United Kingdom tersebut perlu dibawa ke Malaysia bagi urusan pendaftaran pernikahan dengan Jabatan Agama Islam di Malaysia untuk mendapatkan sijil nikah Malaysia.
10. Pasangan hendaklah mendaftarkan pernikahan di Jabatan Agama Islam Negeri di Malaysia dalam tempoh masa enam bulan **setelah kembali ke Malaysia**.

BAGI PERKAHWINAN YANG INGIN DILAKSANAKAN DI PEJABAT EDUCATION EDUCATION MALAYSIA UNITED KINGDOM

Pemohon perlu memastikan perkara berikut dipenuhi:

1. Melengkapkan permohonan permohonan nikah yang boleh didapati daripada PNCR Luar Negara.
2. Membuat temujanji dengan PNCR Luar Negara 1 bulan sebelum tarikh akad nikah.
3. Memperolehi surat kebenaran nikah luar negara dan memenuhi segala keperluan yang diperlukan oleh dari Jabatan Agama Islam Negeri Malaysia.
4. Sila bawa dokumen asal dan 4 salinan dokumen berikut:
 - a) Kad pengenalan atau dokumen pengenalan diri dan pasangan
 - b) Sijil atau kenyataan memeluk Islam (jika berkaitan)
 - c) Passport pemohon dan pasangan
 - d) Sijil certified copy of an Entry of Marriage (jika berkaitan)
 - e) Surat wakalah wali
 - f) Surat perakuan cerai/surat kematian pasangan terdahulu (jika berkaitan)
 - g) 3 keping gambar terkini pemohon dan pasangan

*** Nota Penting: Pasangan hendaklah mendaftarkan pernikahan di Jabatan Agama Islam Negeri di Malaysia dalam tempoh masa enam bulan setelah kembali ke Malaysia.**

Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini sila berhubung dengan Pendaftar Perkahwinan, Penceraian dan Ruju' orang Islam Luar Negara (PNCR Luar Negara) merangkap Atase Pendidikan Bimbingan Agama dan Kaunseling Education Malaysia United Kingdom dan Ireland.

Nama : Encik Ruzain Syukur bin Mansor
Telefon pejabat : +44 207 985 1257
Telefon bimbit : +44 791 834 9524
E-mel : ea.counselor@educationmalaysia.co.uk